



LATAR BELAKANG

PENERBITAN 'SUMMARY OF MALAYSIAN NATIONAL CANCER REGISTRY REPORT 2007-2011'

Penyakit kanser merupakan salah satu daripada masalah Kesihatan Awam yang penting yang perlu dihadapi oleh semua pihak sama ada di sektor kerajaan mahupun swasta. Peningkatan yang ketara dalam kejadian kanser di Malaysia perlu ditangani melalui perancangan yang berfokus dan ianya haruslah berlandaskan fakta terkini yang boleh mendorong kepada halatuju yang tepat dalam strategi untuk menurunkan beban penyakit ini di Malaysia.

Penerbitan 'Summary of Malaysian National Cancer Registry Report 2007-2011' oleh Jabatan Registri Kanser Kebangsaan, Institut Kanser Negara merupakan usaha untuk berkongsi fakta beban kanser di Malaysia dikalangan para professional dan orang ramai melalui media cetak dan elektronik yang mudah difahami dan diperolehi. Buku kecil ini mudah dibawa kemana sahaja dan berfungsi untuk rujukan segera (*quick reference*) kepada para professional termasuklah pakar-pakar klinikal dan kesihatan awam, para akademik, penggubal polisi dan pertubuhan yang berurusan secara langsung dan tidak langsung dalam pelbagai aktiviti dan program pencegahan dan pengurusan kanser di Malaysia.

Isinya yang ringkas tetapi padat dengan info yang penting diharapkan dapat membantu mereka menilai taburan, beban dan risiko penyakit kanser di Malaysia dan ianya mampu menyumbang kepada peningkatan pengurusan dan pencegahan kanser di Malaysia. Lakarannya yang mudah difahami dan menarik turut boleh dimanfaatkan oleh orang awam dan pesakit kanser dalam memahami beban penyakit ini dan kepentingan untuk langkah pencegahan dan pengesanan awal. Data statistik kanser dibuku ini boleh dijadikan sebagai titik asas (*baseline*) kepada data yang akan dilaporkan selepas ini untuk melihat perubahan tren dan ianya juga boleh membantu untuk melihat keberkesanan setiap program pencegahan dan kawalan kanser yang telah dan sedang dijalankan di Malaysia. Fakta di dalam buku ini merupakan petikan fakta utama daripada buku laporan Registri Kanser Kebangsaan 2007-2011 yang telah di terbitkan pada tahun 2016 yang mana buku tersebut jauh lebih tebal dan hanya boleh diperolehi melalui laman sesawang Institut Kanser Negara. Lebih banyak buku ringkas seumpama ini akan dikeluarkan oleh Jabatan Registri Kanser Kebangsaan yang meliputi pelbagai aspek penting berkaitan penyakit kanser sebagai rujukan mudah, cepat dan ringkas kepada semua para professional di masa akan datang.

**JABATAN REGISTRASI KANSER KEBANGSAAN
INSTITUT KANSER NEGARA, PUTRAJAYA
SEPTEMBER 2017**